



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

LHDNM DIBUKA PADA Hujung MINGGU

Bagi membantu pembayar cukai yang tidak mempunyai kemudahan Internet untuk menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (Borang BE sahaja) menggunakan e-Filing, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa kaunter perkhidmatan e-Filing di semua cawangan kami akan beroperasi pada hujung minggu iaitu **17, 18, 19, 24, 25 dan 26 April 2015**.

Jadual waktu operasi kami adalah seperti berikut:

NEGERI	TARIKH	WAKTU OPERASI
Kelantan, Terengganu, Kedah & Johor	17 & 18 April 2015 (Jumaat & Sabtu) 24 & 25 April 2015 (Jumaat & Sabtu) [Kecuali Hari Cuti Umum]	9.00 pagi hingga 5.30 petang
Lain-lain Negeri	18 & 19 April 2015 (Sabtu & Ahad) 25 & 26 April 2015 (Sabtu & Ahad) [Kecuali Hari Cuti Umum]	9.00 pagi hingga 5.30 petang
Sarawak & Sabah	18 & 19 April 2015 (Sabtu & Ahad) 25 & 26 April 2015 (Sabtu & Ahad) [Kecuali Hari Cuti Umum]	8.00 pagi hingga 5.00 petang

Bagi tarikh **26 April 2015 (Ahad)**, kaunter perkhidmatan **e-Filing** di negeri **Terengganu** adalah ditutup berikutan cuti umum sempena Hari Keputeraan KDYMM Sultan Terengganu.

Oleh yang demikian, LHDNM menyeru pembayar cukai agar menggunakan kemudahan yang telah disediakan dan memastikan Borang Nyata Cukai Pendapatan mereka dikemukakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan hal ehwal percukaian boleh diajukan ke Pusat Panggilan LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau dikemukakan melalui Borang Maklumbalas Pelanggan di pautan <http://maklumbalas.hasil.gov.my/>

Sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my untuk keterangan lanjut.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Pegawai Perhubungan Awam (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21313 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh : 17 April 2015